

## **LAPORAN IMPAK MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2023/2024**

Dokumen ini bertujuan untuk melaporkan mengenai impak musim timur laut (MTL) 2023/2024.

Laporan MTL 2023/2024 ini mengandungi perkara- perkara berikut:

1. Latarbelakang
2. Jumlah Keluarga dan Mangsa yang terlibat
3. Nilai kerugian
4. Lain-lain impak Banjir

### **1.0 LATAR BELAKANG**

Malaysia telah mengalami musim MTL 2023/2024 bermula pada 11 November 2023 sehingga 28 Mac 2024. Sepanjang tempoh berkenaan, sebanyak 7 episod hujan lebat telah berlaku yang menyebabkan kejadian banjir. Jumlah hujan harian tertinggi adalah pada episod yang pertama, iaitu sebanyak 417.2 mm yang direkodkan di Bukit Jambul, Kuala Terengganu pada 20 November 2023. Perincian mengenai episod hujan lebat MTL 2023/2024 adalah seperti di Lampiran A.

Sebanyak 5 stesen meteorologi utama yang mencatatkan bacaan jumlah hujan tertinggi sepanjang MTL 2023/2024 adalah Gong Kedak (Terengganu), Kuala Terengganu (Terengganu), Kuching (Sarawak), Mersing (Johor) dan Kerteh (Terengganu).

Secara perbandingan, tempoh MTL 2023/2024 selama 139 hari dengan 7 episod hujan lebat adalah lebih lama berbanding tempoh MTL 2022/2023 iaitu selama 136 hari dengan 6 episod hujan lebat.

Walau bagaimanapun, jumlah hari terkumpul bagi episod hujan lebat yang direkodkan untuk musim MTL 2023/2024 iaitu selama 18 hari adalah lebih rendah berbanding MTL 2022/2023 selama 41 hari.

## **2.0 JUMLAH KELUARGA DAN MANGSA YANG TERLIBAT**

Seramai 27,505 keluarga dan 92,534 mangsa telah ditempatkan di 751 buah pusat pemindahan sementara (PPS) sepanjang tempoh MTL 2023/2024. Perincian jumlah PPS, keluarga dan mangsa mengikut negeri dan daerah adalah seperti di Lampiran B.

Tiga buah negeri yang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi adalah negeri Kelantan seramai 44,157 orang mangsa (48%), diikuti negeri Terengganu seramai 28,591 orang mangsa (31%) dan negeri Johor seramai 11,321 orang mangsa (12%).

Daerah-daerah yang mencatatkan jumlah mangsa tertinggi adalah Pasir Mas, Kuala Krai, Tumpat dan Tanah Merah di negeri Kelantan, Dungun, Hulu Terengganu, Besut, Kuala Terengganu dan Setiu di negeri Terengganu serta Kota Tinggi dan Johor Bahru di negeri Johor.

Sebagai perbandingan, jumlah mangsa MTL 2023/2024 adalah lebih rendah berbanding MTL 2022/2023 dengan penurunan mangsa sebanyak 63%. Jumlah mangsa MTL 2022/2023 adalah seramai 251,799 orang. Jumlah kematian juga menurun kepada 4 orang untuk MTL 2023/2024 berbanding 12 orang untuk MTL 2022/2023.

### **3.0 NILAI KERUGIAN**

Berdasarkan Laporan Khas Impak Banjir Malaysia 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), nilai kerugian banjir di Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak RM0.8 bilion. Menurut DOSM, penilaian ini adalah bagi tempoh dari Januari sehingga Disember 2023 meliputi semua negeri yang terjejas akibat banjir pada tahun tersebut. Nilai kerugian yang dicatatkan pada tahun 2023 ini menurun berbanding RM1.03 bilion yang dicatatkan pada tahun 2022.

Aset awam dan infrastruktur merupakan sektor yang paling teruk terjejas pada tahun 2023 dengan nilai kerugian sebanyak RM380.7 juta berbanding pada tahun 2022 sebanyak RM232.7 juta. Ia diikuti dengan tempat kediaman sebanyak RM168.3 juta (2022: RM157.4 juta), sektor pertanian sebanyak RM120.6 juta (2022:RM154.5 juta), premis perniagaan sebanyak RM53.2 juta (2022: RM50.3 juta), kenderaan sebanyak RM22.3 juta (2022:RM18.8 juta) dan pembuatan sebanyak RM10.3 juta (2022:RM8.7 juta).

Negeri Johor merupakan negeri yang paling teruk terjejas dengan nilai kerugian sebanyak RM275.0 juta. Ia diikuti Kelantan (RM139.7 juta), Terengganu (RM77.7 juta), Pahang (RM74.8 juta) dan Perak (RM46.9 juta). Nilai kerugian untuk negeri-negeri lain adalah seperti di Lampiran C.

Sebanyak 3 daerah yang mencatatkan nilai kerugian tertinggi iaitu Batu Pahat (RM104.8 juta), Segamat (RM54.6 juta) dan Pasir Mas (RM26.8 juta). Secara keseluruhan, skala kejadian bencana banjir kali ini adalah kecil disebabkan jumlah hari

terkumpul bagi episod hujan lebat MTL 2023/2024 adalah lebih rendah berbanding MTL 2022/2023 yang lalu.

#### **4.0 LAIN-LAIN IMPAK BANJIR**

Kejadian banjir juga telah mengganggu sesi persekolahan, pekerjaan dan kehidupan seharian masyarakat di tempat-tempat yang dilanda banjir yang mana sukar dianggarkan dari segi kerugian kewangan.

Selain itu, sebanyak 23 kejadian tanah runtuh telah berlaku sepanjang tempoh MTL 2023/2024.

**LAMPIRAN C****NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT JENIS KEROSAKAN 2023**

| <b>KERUGIAN</b>                   | <b>NILAI KERUGIAN (RM JUTA)</b> |
|-----------------------------------|---------------------------------|
| Tempat Kediaman                   | 168.3                           |
| Kenderaan                         | 22.3                            |
| Premis Perniagaan                 | 53.2                            |
| Pembuatan                         | 10.3                            |
| Pertanian                         | 120.6                           |
| Aset Awam & Infrastruktur         | 380.7                           |
| <b>Nilai Kerugian Keseluruhan</b> | <b>755.4</b>                    |

**NILAI KERUGIAN BANJIR MENGIKUT NEGERI 2023**

| <b>BIL</b> | <b>NEGERI</b>   | <b>NILAI KERUGIAN<br/>(RM JUTA)</b> |
|------------|-----------------|-------------------------------------|
| 1.         | Johor           | 275.0                               |
| 2.         | Kedah           | 21.4                                |
| 3.         | Kelantan        | 139.7                               |
| 4.         | Melaka          | 5.8                                 |
| 5.         | Negeri Sembilan | 11.6                                |
| 6.         | Pahang          | 74.8                                |
| 7.         | Pulau Pinang    | 8.3                                 |
| 8.         | Perak           | 46.9                                |

| <b>BIL</b> | <b>NEGERI</b>    | <b>NILAI KERUGIAN<br/>(RM JUTA)</b> |
|------------|------------------|-------------------------------------|
| 9.         | Perlis           | 4.7                                 |
| 10.        | Selangor         | 13.9                                |
| 11.        | Terengganu       | 77.7                                |
| 12.        | Sabah            | 26.1                                |
| 13.        | Sarawak          | 29.8                                |
| 14.        | W.P Kuala Lumpur | 15.6                                |
| 15.        | W.P Labuan       | 3.4                                 |
| 16.        | W.P Putrajaya    | 0.8                                 |

**TIGA DAERAH TERTINGGI MENGALAMI KERUGIAN AKIBAT BANJIR  
2023**

| <b>BIL</b> | <b>DAERAH</b> | <b>NILAI KERUGIAN<br/>(RM JUTA)</b> |
|------------|---------------|-------------------------------------|
| 1.         | Batu Pahat    | 104.8                               |
| 2.         | Segamat       | 54.6                                |
| 3.         | Pasir Mas     | 26.8                                |

Sumber : Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia